

Bomba Pekan serlahkan kreativiti

Cipta replika menerusi barangan terpakai untuk bentuk bunga raya

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

PEKAN

Tidak lengkap sambutan bulan kemerdekaan andai tidak dirai dengan semangat muhibah dan perpaduan.

Semangat itu dapat dilihat menerusi inisiatif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pahang yang menggalakkan setiap balai di setiap daerah negeri ini menyerlahkan kreativiti dengan menyemarakkan bulan kemerdekaan.

Balai Bomba dan



Pengarah JBPM Pahang, Nor Hisham Mohamad (tengah) menandatangani buku pelawat BBP Pekan.



Replika bunga raya daripada bahan terbuang dan bendera Jalur Gemilang.



Sayangi Malaysia

Malaysia Bersih

Penyelamat (BBP) Pekan adalah antara yang pernah memenangi tempat pertama bagi kategori bangunan kerajaan peringkat negeri Pahang tahun lalu.

Kejayaan mereka mencipta replika menerusi barangan ter-

pakai untuk membentuk bunga kebangsaan negara iaitu bunga raya wajar dipuji.

Ketuanya, Wan Samsul Effendi Wan Mahmud berkata, kuntuman-kuntuman replika bunga raya tersebut dibina menghiasi pintu masuk utama balai.

Selain itu, balai itu juga berjaya mengibarkan 1,000 helai Jalur Gemilang di sekitar balai.

Kemenangan itu melayakkan mereka memenangi wang tunai RM1,000.

"Apa yang menjadi elemen berharga dalam sambutan ini ialah BBP Pekan tidak menggunakan satu sen pun wang kerajaan sebaliknya segala persiapan adalah hasil kerjasama daripada

kakitangan semata-mata.

"Replika bunga raya menggunakan barangan terpakai manakala bendera pula adalah hasil sumbangan pembelian daripada kakitangan. Setiap anggota turut menyumbangkan Jalur Gemilang.

"Hal ini secara tidak langsung menanam semangat kemerdekaan bila mana semua anggota menyumbangkan Jalur Gemilang sebagai simbolik kepada semangat kemerdekaan," katanya.

Kakitangan balai tersebut turut menggembleng tenaga bagi menyiapkan lukisan mural di dinding yang menjadi mercu tanda kemerdekaan.

Wan Samsul Effendi berkata,

setiap tahun beliau dan kakitangan balai Pekan akan memastikan penglibatan dan komitmen berterusan daripada balainya dapat dikekalkan.

"Menghayati kemerdekaan bukan semata-mata menyambutnya di Dataran Merdeka. Namun mesti dilahirkan menerusi hati dengan setiap tindakan dan gerak-geri.

"Banyak pengajaran yang dapat dipelajari oleh anggota saat kita sama-sama mengejar tarikh akhir menyiapkan tugas yang diberi," katanya.

Menurutnya, secara tidak langsung, aktiviti itu juga mampu melatih diri untuk mengikut arahan ketua, mengikut ketetapan dan garis masa serta meletakkan sasaran untuk menjadi balai yang terbaik serta untuk menangi

"Tahun ini, kita letakkan sasaran mengekalkan gelaran juara yang diraih tahun lalu," katanya.



WAN SAMSUL EFFENDI



Wan Samsul Effendi (dua dari kanan) bersama anggota di hadapan mural.

YDKMM pecah rekod sempena kemerdekaan

PANGKOR - Seramai 123 sukarelawan Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) mengambil masa empat jam bagi memecah rekod kolaj gambar Jalur Gemilang terbesar berukuran 27.3 meter lebar dan 12.2 meter panjang menggunakan 21,000 keping gambar.

Kesemua sukarelawan wanita berusia 18 hingga 30 tahun itu berjaya memadam rekod lama yang dicipta sebelum ini berukuran 22 meter lebar dan 10 meter panjang pada 2010.

Pegawai Penyelidik Malaysia Book of Record

(MBOR), Nurul Fatimah Mahmood berkata, pihaknya berpuas hati dengan hasil dilakukan sukarelawan YDKMM dan mereka telah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan.

"Selepas melakukan kerja mengukur, kami dapat panjang kolaj gambar Jalur Gemilang ini 12.2 meter, manakala lebarnya 27.3 meter. Berpuluh ribu keping gambar disusun cantik di atasnya," katanya kepada media di Pantai Teluk Nipah di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah Program Perkhemahan Belia Kebangsaan, Izzatul

Athirah An-Nur Mohd Hizul Azri berkata, mereka mengambil masa tiga bulan untuk mengumpul gambar kenangan sukarelawan YDKMM.

"Gambar-gambar ini merupakan gambar yang dirakam bersama Jalur Gemilang ketika menjalankan aktiviti kemanusiaan, masyarakat serta pendidikan dalam dan luar negara.

"Jalur Gemilang ini pula disiapkan dalam tempoh masa seminggu dengan kerjasama sukarelawan terlibat bagi memastikan kejayaan program ini," katanya.



Nurul Fatimah (dua dari kiri) menyampaikan sijil MBOR kepada Penasihat Program Perkhemahan Belia Kebangsaan, Suraina Sulong sambil diperhatikan Izzatul Athirah (dua dari kanan) di Teluk Nipah, Pulau Pangkor baru-baru ini. Di belakang mereka ialah kolaj Jalur Gemilang yang dihasilkan.